

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3(10)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2014-2015)  
BILANGAN 5 TAHUN 2015**

<b>Tarikh</b>	: 27 Mei 2015(Rabu)
<b>Masa</b>	: 10.30 Pagi – 12.03 Tengahari
<b>Tempat</b>	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
<b>Hadir</b>	: Seperti dilampirkan kehadiran

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Pegawai Komunikasi Korporat, Unit Perhubungan Awam dan Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

- 2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam dan Korporat mengambil masa selama 15 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan April 2015 dan Mei 2015.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

- 3.1 Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja MBPJ di atas kerjasama dan komitmen kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan dan program Majlis. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu dan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan (*delivery system*) yang berkesan dan semangat kerja berpasukan di antara Ahli Majlis dan warga kerja Majlis. Justeru itu, di dalam menggalas tanggungjawab ini adalah amat penting bagi semua warga kerja dan Ahli-ahli Majlis memahami, menghayati dan seterusnya



melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan tahap professionalise masing-masing.

### 3.2 INTEGRITI DAN TADBIR URUS BAIK

Menurut Laporan Bank Dunia mengenai Tadbir Urus Korporat (1994) mendefinisikan tadbir urus atau *governance* sebagai “*the process through which institutions, businesses and citizens' groups articulate their interest, exercise their rights and obligations and mediate their differences*”. Manakala United Nations Development Program (UNDP) mendefinisikan “tadbir urus” sebagai “*the exercise of economic, political and administrative authority to manage*”.

Proses tadbir urus sahaja tidak mencukupi untuk memastikan anggota masyarakat menikmati kualiti hidup yang diharapkan. Proses tadbir urus seharusnya diamalkan secara baik. Maka wujud istilah tadbir urus yang baik atau good governance. Menurut *World Conference on Governance* (1999), tadbir urus yang baik ialah “*a system that is transparent, accountable, just, fair, democratic, participatory and responsive to people's needs*”. Ciri-ciri tadbir urus yang baik melibatkan semua pihak atau sektor untuk duduk semeja mencapai persetujuan bersama.

Manakala integriti menurut Glosari Integriti, Institut Integriti Malaysia (IIM), bermaksud “perihal sifat individu dan organisasi yang sempurna, berteraskan nilai murni seperti jujur, benar, amanah, adil, bertanggungjawab, telus, cekap dan bijaksana”. Oleh itu, Integriti merupakan suatu tahap, keadaan atau sifat yang sempurna dan tiada cacat cela, tidak ada rasuah, salah guna kuasa atau penyelewengan, tiada rungutan dan aduan atau ketidakpuasan hati pelanggan ke atas perkhidmatan yang diberi. Maka wujudlah perkhidmatan yang telus, *accountable*, adil dan saksama.

#### 3.2.1 Prinsip Tadbir Urus Yang Terbaik Dalam Sektor Awam

- i. Integriti - kejujuran dan objektiviti, tahap tatasusila yang tinggi dan penuh tanggungjawab dalam pengawasan dana dan sumber awam serta pengurusan hal ehwal agensi.
- ii. Akauntabiliti - kewajipan untuk memberi jawapan dan penjelasan mengenai sesuatu tindakan dan prestasi kepada sesiapa yang berhak untuk mendapat jawapan dan penjelasan.

- iii. Amanah dan Pengawasan (*stewardship*) - pelaksanaan kuasa pegawai awam yang telah diamanahkan oleh pihak Kerajaan. Pegawai Kerajaan adalah pemegang amanah dan pengawas ke atas penggunaan kuasa dan sumber yang dipertanggungjawabkan. Tanggungjawab ini merangkumi keupayaan untuk memastikan kecekapan pengurusan kewangan secara berterusan dan pengurusan sumber secara ekonomik dan berkesan melalui dasar-dasar yang bersesuaian.
- iv. Ketelusan - keperluan untuk memberi keyakinan kepada orang awam terhadap proses pengambilan keputusan dan tindakan pegawai awam yang telah diamanahkan dengan kuasa dan tanggungjawab. Hubungan yang erat dan perkongsian maklumat yang lengkap, tepat dan jelas dengan stakeholders akan memastikan tindakan yang diambil itu adalah berkesan dan menepati waktu di samping membolehkan pegawai awam menangani sebarang penilaian awam.

Salah satu isu integriti yang menggugat perkhidmatan awam yang paling kerap dibincangkan ialah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Berdasarkan statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terdapat peningkatan perlakuan rasuah dan salah guna kuasa pada setiap tahun.

#### **Statistik Tangkapan Penjawat Awam oleh SPM**

BIL	TAHUN	KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI	KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	KUMPULAN SOKONGAN	JUMLAH
1	2013	-	47	123	170
2	2014	2	44	178	224
3	Jan – April 2015	4	32	169	205
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					<b>599</b>

*Sumber : Laman Sesawang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia*



Antara faktor menjadi punca perlakuan rasuah ialah kelemahan di dalam sistem kawalan dalaman. Contohnya kelewatan memberi perkhidmatan akibat karenah birokrasi mengakibatkan pelanggan akan bertindak menyogok untuk mendapatkan perkhidmatan dengan lebih cepat.

Faktor lain ialah kelemahan sistem yang memberi kuasa monopoli kepada individu tertentu untuk membuat keputusan yang memungkinkan individu terlibat membuat keputusan untuk kepentingan diri.

Dalam pada itu, sistem “reward” perlu juga dilaksanakan. Bagi pegawai-pegawai yang berintegriti tinggi, tekun dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas, mereka akan diberikan ganjaran sewajarnya seperti kenaikan pangkat, berkursus di luar negara dan sebagainya bagi mencegah gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Keputusan kerajaan mengarahkan penubuhan Unit Integriti di sektor awam juga merupakan salah satu langkah untuk memantapkan integriti penjawat awam. Unit Integriti bertanggungjawab melaksanakan enam fungsi iaitu:

- i. Tadbir urus – memastikan tadbir urus baik dilaksanakan
- ii. Pengukuhan integriti – memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi
- iii. Pengesanan dan pengesahan – mengesan, mengesahkan salah laku dan melaporkan kepada agensi penguatkuasaan
- iv. Pengurusan aduan – mengambil tindakan ke atas aduan salah laku jenayah dan etika organisasi
- v. Pematuhan – memastikan pematuhan undang-undang dan peraturan
- vi. Tatatertib – melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

Sejajar dengan aspirasi ini, Majlis juga sedang dalam proses menubuhkan Unit Pengurusan Risiko di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan bagi membantu organisasi mengenalpasti risiko-risiko perlakuan rasuah yang telah, sedang atau mungkin akan



berlaku dan seterusnya menghasilkan pelan pengurusan risiko rasuah untuk memperbaiki kelemahan yang ada.

Pemantapan integriti bukan hanya melibatkan penjawat awam malah skopnya lebih meluas merangkumi semua lapisan masyarakat dan tidak ketinggalan Ahli Majlis di peringkat PBT. Untuk makluman semua, Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) akan mengadakan Program Integriti bersama Ahli Majlis PBT pada 5 Jun 2015 di Auditorium, Dewan Jubli Perak mulai 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Semua Ahli Majlis MBPJ adalah diwajibkan hadir.

### 3.3 **BANDAR RAYA BEBAS HALANGAN PETALING JAYA**

Konsep Bandar Raya Berdaya huni merangkumi proses perancangan pembangunan dengan matlamat mencapai pembangunan mampan secara holistik yang berpaksikan kepada pengintegrasian 3 aspek utama iaitu Sistem Sosial Yang Inklusif, Ekonomi Yang Produktif dan Persekutuan Bandar Hijau.

Matlamat mewujudkan sistem sosial yang inklusif termasuklah mewujudkan suasana masyarakat yang selamat dan sejahtera, bersatu padu, berbudaya penyayang, saling berinteraksi dan peka terhadap keperluan golongan tua, kanak kanak dan orang kurang upaya (OKU).

Salah satu hala tuju Rangka Kerja Polisi Perancangan Strategik Bandaraya Petaling Jaya “Sustainable PJ 2030” adalah Habitat Kita iaitu “Menjadikan Petaling Jaya Sebagai Bandar Raya Indah dan Berdaya huni”.

Tindakan-tindakan fizikal ke arah mencapai sebuah Bandar Raya Berdayahuni termasuklah meningkatkan penawaran perumahan mampu milik yang selesa serta mewujudkan rekabentuk bandar yang selamat dan boleh diakses oleh semua golongan tanpa sebarang halangan.

Majlis telah merancang pembangunan Bandar Raya Petaling Jaya sebagai sebuah Bandar yang berdaya huni, dicintai dan berjiwa serta mengambil langkah pelaksanaan Bandar Bebas Halangan yang memberi fokus kepada usaha mewujudkan aksesibiliti dan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang sempurna ke arah membentuk sebuah persekitaran masyarakat yang inklusif dan saling berinteraksi.



Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memulakan agenda Bandar Bebas Halangan sejak tahun 2000 melalui beberapa usaha termasuk menubuhkan Jawatankuasa Kerja Teknikal Bagi Pembangunan Kemudahan OKU yang berfungsi dalam meneliti dan memberi pertimbangan terhadap pelan pembangunan oleh pemaju swasta bagi penyediaan kemudahan OKU di samping bertindak sebagai penasihat Majlis dalam hal-hal teknikal berkaitan OKU dan memantau perlaksanaan projek pihak swasta dan Majlis berkaitan kemudahan OKU.

Segala usaha dan inisiatif Majlis dalam melaksanakan agenda Bandar Bebas Halangan ini telah menghasilkan beberapa kejayaan dan pengiktirafan yang diberikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan dan penghargaan yang diterima termasuklah:

- Anugerah Bangunan Dengan Kemudahan Akses Sempena Sambutan Hari Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan (Kategori Bangunan Kerajaan) Pada Tahun 2002 dan 2003
- Anugerah Bandar Lestari 2009/2010 – Anugerah Khas Kemudahan Untuk Orang Kurang Upaya
- 3 terbaik bagi kategori ‘Citizen Engagement’ di Commonwealth Association Of Public Administration And Management (CAPAM) 2012 – Projek “Barrier Free City: Lifting The Urban Disability Stigma”
- Anugerah PBT Prihatin Sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan 2014

Majlis akan terus komited dalam melaksanakan usaha-usaha ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang inklusif dan sejahtera. Sebagai peneraju dalam mempromosikan inisiatif Bandar Bebas Halangan kepada semua PBT di Selangor, Majlis akan mengambil satu lagi langkah ke hadapan dengan menganjurkan Seminar dan Bengkel ‘Universal Design And Accessibility In The Built Environment Towards People Centered Of Petaling Jaya’ pada 3 dan 4 Jun 2015 bertempat di Hotel Armada, Petaling Jaya. Sasaran peserta yang akan hadir pada seminar dan bengkel ini adalah seramai 300 orang yang terdiri daripada golongan profesional seperti Arkitek, Jururancang Bandar, Arkitek Lanskap, Jurutera, Pemaju dan Kontraktor, Pengurusan Pengangkutan Awam seperti SPAD, Prasarana, Rapid KL dan KTM, NGOs serta golongan OKU.



Antara objektif penganjuran seminar ini adalah untuk mempelajari amalan terbaik, inovasi dan idea-idea daripada Negara luar berkaitan aksessibiliti dan prinsip-prinsip Rekabentuk Sejagat (*Universal Design*) di dalam persekitaran alam bina.

Bengkel pada hari kedua pula akan memberi fokus kepada perbincangan isu dan masalah yang akan menghasilkan satu resolusi penambahbaikan terhadap sistem kawalan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap projek-projek pembangunan di Petaling Jaya. Hasil perbincangan bengkel ini juga akan digunakan bagi membentuk satu rangka Pelan Induk Bandar Bebas Halangan yang akan mengandungi strategi, dasar, garispanduan dan tindakan-tindakan pelaksanaan ke arah mewujudkan persekitaran Bebas Halangan di Petaling Jaya menjelang tahun 2030.

### 3.4 KONSEP REKABENTUK LAMAN MBPJ

Laman MBPJ Yang terletak di hadapan ibu pejabat Majlis ini telah direka bentuk seperti sedia ada pada tahun 2005 dengan berkonsepkan '**Urban Tropical Retrete**' yang menjadi oasis landskap untuk kawasan sekitarnya. Pada masa kini, pelbagai spesis tumbuhan tropika yang memberikan kesan seperti di dalam hutan yang menyegarkan serta memberi inspirasi untuk berehat menikmati udara segar dan bau bauan daripada tanamannya.

Rekabentuk yang diterapkan ini selaras dengan pelan pembangunan '**PJ Walk**' dan Laman MBPJ menjadi salah satu kawasan tumpuan untuk aktiviti hiburan jalanan, permainan kanak-kanak dan kawasan istirehat keluarga. Seksyen 52 telah dijadikan sebagai *PJ Walk* yang mana pelbagai rangkaian pembangunan dan aktiviti diketengahkan untuk menghidupkan Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Selaras dengan itu, Majlis telah membina dan merekabentuk Petaling Jaya Boulevard yang berkonsepkan '**Modern Contemporary**'. Konsep ini menekankan reka bentuk yang minima tetapi mempunyai nilai yang tinggi dari segi kepenggunaan. Penekanan akan diberikan kepada identiti dengan komponen seperti *water feature*, *green wall* dan pencahayaan. Inisiatif ini adalah bertujuan menjadikan LAMAN MBPJ sebagai kawasan mesra pengguna dan kawasan aktif dengan menyediakan ruang pentas yang lebih luas dan tidak terhalang.



### **3.5 FESTIVAL DI RAJA FLORIA BUNGA & TAMAN PUTRAJAYA 2015**

MBPJ akan menyertai Festival Diraja Floria Bunga & Taman Putrajaya yang akan berlangsung pada 30 Mei 2015 hingga 7 Jun 2015 di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya mulai jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam. Menariknya festival pada kali ini ialah terdapat pendekatan baharu dibawa seperti Taman Musim Bunga dan Taman Musim Sejuk yang buat julung kalinya dipamerkan di negara ini, sekali gus memberi simulasi taman Eropah pada musim sejuk beserta salji.

Penganjuran Festival Floria Diraja Putrajaya 2015 ini akan mempamerkan lebih 400,000 pokok daripada pelbagai spesies, kultivar bunga serta tanaman hiasan. Pelbagai aktiviti harian akan diadakan antaranya ialah bengkel berkebun, demonstrasi gubahan bunga, pertandingan fotografi, pertandingan cat air dan lain-lain.

### **3.6 OPERASI PENDATANG TANPA IZIN**

Majlis telah menjalankan operasi dan tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja tanpa lesen dan aktiviti tred perniagaan tanpa lesen terutamanya premis dan penjaja yang menggajikan pekerja warga asing tanpa izin di sekitar kawasan pentadbiran Petaling Jaya.

Operasi bersepada dengan Jabatan Imigresen dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah dilaksanakan pada 19 Mei 2015 di Jalan Masjid dan Jalan Cempaka, Kampung Sungai Kayu Ara. Pihak Imigresen telah menahan seramai 26 orang pendatang asing terdiri daripada 5 warga Myanmar, 5 warga Nepal, 15 warga Indonesia dan 1 warga Bangaldesh. Dalam operasi ini pihak Majlis telah mengeluarkan sebanyak 12 kompaun perniagaan tanpa lesen dan halangan tempat awam manakala 8 tindakan sitaan telah dibuat. Operasi ini bertujuan untuk mengatasi masalah penjaja asing tanpa izin bermiaga.

## **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

### **4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 4 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 4 Tahun 2015 bertarikh 24 April 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.



**5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 4 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 24 APRIL 2015.**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
5.0 (7.5.2)	<b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAIYUDDIN</b> - Berkaitan Pihak pemaju Tetuan Buana Perdana Sdn Bhd yang ingin meneruskan/ menyambung projek jalan dan perparitan di PJS 2 (tepi SMK Dato' Harun) berdasarkan cadangan reka bentuk perunding Majlis melalui permohonan KM mereka kepada Majlis.	Satu mesyuarat bersama pihak pemaju bagi mendapatkan keputusan dan ketetapan dimana pihak pemaju akan menyambung projek jalan dan perparitan di PJS (2) telah ditetapkan pada 23 April 2015. Mesyuarat pada 23 April 2015 memutuskan supaya pihak Jabatan menyelesaikan isu dengan menyediakan tender bagi Cadangan Sistem Perparitan Dan Kolam OSD di tepi SK Dato' Harun. Dokumen tender dijangka akan dijual pada penghujung Bulan Mei 2015.
5.0 (7.1)	<b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB. TUAN HEE LOY SIAN</b> - Isu kerja-kerja yang tidak berjalan bagi projek menukar Bulatan Othman kepada lampu isyarat yang sepatutnya siap pada Oktober 2014. Beliau berharap agar jabatan berkaitan melaporkan status projek untuk makluman	Persimpangan lampu isyarat Jalan Othman telah mula dibuka pada 17 Mei 2015. Buat masa ini, persimpangan tersebut sedang dalam proses percubaan untuk menetapkan tempoh masa yang sesuai bagi lampu isyarat tersebut.  Encik Tang Fuie Koh berharap agar kontraktor diberi 'date line' untuk menyiapkan projek tersebut bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas di kawasan ini.  Wakil Pengarah, Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa projek ini masih dalam percubaan dan dalam masa yang sama masalah kesesakan lalulintas dipantau oleh Polis Trafik yang bertugas.



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.1.1	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau mencadangkan agar perkara yang berkaitan ‘Urban Transport’ dijadikan dasar untuk dimasukkan ke dalam kertas kerja yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.</li> </ul>	<p>Ulasan Perancangan Pengangkutan akan dimasukkan ke dalam kertas kerja OSC selepas 30 September 2015 iaitu apabila sistem maklumat perancangan pengangkutan secara digital dan model pengangkutan Petaling Jaya siap sepenuhnya.</p>
7.1.2	<p><b>Penyediaan ‘Feeder Bus’</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berkaitan ‘Feeder Bus’ di mana MBPJ adalah ‘role model’ kepada PBT lain di Selangor yang menerajui ‘Feeder Bus’. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar Majlis memperuntukan perbelanjaan bagi pertambahan ‘feeder bus’ bagi menampung penggunaan oleh orang awam.</li> </ul>	<p>Kajian Pengangkutan Dan Lalulintas Petaling Jaya telah mengenalpasti dan mencadangkan 117 laluan ‘feeder bus’ yang berfungsi sebagai suaan kepada stesen transit utama seperti stesen BRT, Bas Transit, MRT, LRT dan Komuter. Anggaran kos perlaksanaan cadangan ini adalah sebanyak RM 72 juta setahun. Peruntukan bagi perlaksanaan cadangan ini boleh dimohon di dalam permohonan Bajet 2016 yang akan datang dengan keutamaan terhadap kawasan yang sangat memerlukan terlebih dahulu.</p> <p>Oleh kerana kos penyediaan ‘feeder bus’ ini amat tinggi, Majlis sedang berusaha mendapatkan kerjasama daripada pihak SPAD bagi tujuan perlaksanaannya dimana Mesyuarat bersama SPAD akan diadakan pada 09 Jun 2015 bagi membincangkan secara terperinci mengenai cadangan laluan, peruntukan kos kewangan dan kemudahan prasarana yang perlu disediakan bagi tujuan pelaksanaan cadangan ini.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.1.3	<p><b>Keperluan Penyediaan Perhentian Bas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau turut berharap agar Majlis memperuntukan bajet pada tahun hadapan bagi pembinaan perhentian bas ekoran sistem MRT yang dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada 2016.</li> </ul>	Majlis akan melantik perunding untuk menjalankan kajian penyediaan perhentian bas termasuk mengkaji keperluan kemudahan fasiliti, kos penyediaan dan rekabentuk perhentian bas.
7.3.4	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN SIA SIEW CHIN</b></p> <p>Puan Sia Siew Chin turut mencadangkan agar projek jalan sehala ini mengambil kira kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU)</p>	Jabatan Kejuruteraan mengambil maklum dan akan mengambil kira keperluan kemudahan Orang Kurang Upaya di dalam rekabentuk projek Sistem Jalan Sehala.

## 6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 8 MEI 2015, 15 MEI 2015, 21 MEI 2015.**  
**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (107)**  
**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (109)**  
**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (111)**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**



**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 8 MEI 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (121)]**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 11 MEI 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (69)]**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 12 MEI 2015 DAN 19 MEI 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (77)  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (79)**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 13 MEI 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (51)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutuan, MBPJ.**

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 14 MEI 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 (128)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit Audit, MBPJ.**



6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 14 MEI 2015.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (97)]

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 15 MEI 2015.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (29)]

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

6.9 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 18 MEI 2015.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (37)]

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

6.10 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 20 MEI 2015.**  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (35)]

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**



## **7.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

### **7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YBHG. TUAN MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN**

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa beliau merujuk kepada cabutan daripada keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 16/2015 yang diadakan pada 13 Mei 2015 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 17/2015 pada 20 Mei 2015 berkaitan:-

#### **7.1.1 Cadangan langkah-langkah Interim Menambahbaik pengurusan sisa pepejal dan pembersihan Awam di Negeri Selangor iaitu:-**

- i) Cadangan langkah Interim Menambahbaik Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Negeri Selangor ini dibuat berdasarkan hasil perbincangan semasa Retreat EXCO 2015 sebelum hasrat Kerajaan Negeri merealisasikan penubuhan sebuah *Special Purpose Vehicle* (SPV) bertujuan mengendalikan pengurusan sampah di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, perbincangan telah dibuat antara UPEN, PBT, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) dan Menteri Besar Incorporated (MBI) untuk meminimumkan isu dan masalah pembersihan awam dan pengurusan sampah melalui langkah-langkah interim;
- ii) Y.A.B. Dato' Menteri Besar turut memaklumkan bahawa beliau mencadangkan mekanisme pengurusan sisa pepejal dirombak kerana mekanisma yang sedia ada masih tidak dapat menyelesaikan pengurusan sisa pepejal dengan efektif dan berkesan. Aduan juga masih banyak dan menjadi isu yang kerap dibincangkan. Daripada hasil kajian yang dibuat, terdapat isu berkaitan dengan pengurusan sampah dan penyelenggaraan jalan masih menjadi perkara-perkara utama;
- iii) Beliau turut memaklumkan keperluan untuk mewujudkan SPV baharu, walau bagaimanapun beberapa perkara perlu dikaji dan akan mengambil masa termasuk pindaan kepada enakmen sedia ada. Langkah ini penting bertujuan melaksanakan sistem pengurusan sampah yang lebih efektif dan tidak terikat dengan syarat-syarat di peringkat Persekutuan sepenuhnya. Sehubungan itu, langkah-langkah interim perlu dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah di peringkat negeri;



- iv) Beliau turut memaklumkan menerima laporan sekurang-kurangnya enam (6) PBT perlu dipertingkatkan perkhidmatannya berikutan aduan yang terlalu banyak dan kapasiti sedia ada tidak mampu menyelesaikan masalah tersebut. Sehubungan dengan itu, UPEN telah diarahkan untuk mencari penyelesaian kepada pengurusan sisa pepejal ini secepat mungkin. Menurutnya, jika isu berkaitan dengan sampah ini selesai, maka 50 peratus daripada masalah di Negeri Selangor dapat diselesaikan;
- v) Penubuhan SPV akan melibatkan beberapa fasa. Walau bagaimanapun, sebagai permulaan akan menggunakan 30 peratus perkhidmatan Hebat Abadi Sdn. Bhd. Untuk melaksanakan kerja-kerja pengurusan sampah;
- vi) Carta penubuhan langkah-langkah Interim Bagi Menambahbaikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-
  - a) 1 Mei 2015
    - Pelantikan HASB sebagai 'back up' kontraktor
  - b) 1 Jun 2015
    - Penggunaan Penilaian Prestasi Kontraktor Kutipan Sampah
  - c) 1 September hingga 31 Disember 2015
    - Pelanjutan tempoh pelantikan kontraktor bagi kontraktor yang mencapai prestasi lebih 74%
    - Mobilasi HASB ke kawasan bermasalah akibat penamatkan kontraktor yang mempunyai prestasi 74% ke bawah
  - d) 1 Januari 2015
    - Pelaksanaan kutipan dan pembersihan awam dilaksanakan sepenuhnya oleh SPV

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menimbang dan **bersetuju** dengan perkara-perkara berikut:-

- i) Supaya PBT mengguna pakai Garis Panduan Pelantikan Kontraktor di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor sebagai asas Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA) yang



telah diselaraskan oleh pihak MBSA seperti dokumen penyeragaman di Lampiran 1 kertas ringkasan;

- ii) Supaya PBT memulakan penggunaan Penilaian Prestasi Kontraktor Kutipan Sampah bermula bulan Jun 2015 dan mengemukakan laporan bulanan prestasi kontraktor selewat-lewatnya 15 hari bulan, bulan berikutnya dengan menggunakan Skala Prestasi dan SOP yang dipersetujui dalam dokumen penyeragaman seperti Lampiran 1 sebagai asas kepada Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA);
- iii) Supaya PBT melanjutkan semula tempoh pelantikan kontraktor perkhidmatan kerja-kerja kutipan sampah bagi kontraktor sedia ada sehingga bulan Disember 2015, iaitu selepas tamat tempoh perlanjutan tempoh kontrak pertama bagi bulan Ogos 2015 tertakluk kepada keputusan penilaian prestasi yang ditetapkan seperti di Lampiran 1;
- iv) Supaya PBT menyenaraikan kontraktor syarikat Hebat Abadi Sdn. Bhd. (HASB) sebagai kontraktor tambahan atau *back up* dan kontraktor gentian bermula Mei 2015 bagi mengatasi aduan dan masalah di kawasan yang dikenalpasti;
- v) Supaya PBT menyenaraikan syarikat (HASB) untuk dipertimbangkan sebagai salah satu kontraktor yang akan dibentangkan dalam Lembaga Tender PBT masing-masing untuk proses lantikan dan mengisi kekosongan akibat penamatkan kontrak/tiada penyambungan kontrak sedia ada yang gagal dalam penilaian prestasi yang ditetapkan bermula September 2015.
- vi) Supaya kontraktor syarikat HASB dilantik sebagai kontraktor yang ditamatkan bermula Mei 2015 bagi mengatasi masalah dan isu kutipan sampah pukal/sampah kebun yang berada di kawasan PBT serta Kampung Tradisi serta termasuk isu pembuangan sampah haram di atas rizab kerajaan dan tanah milik Kerajaan Negeri Selangor. Bersetuju memberikan tempoh selama satu (1) minggu kepada HASB untuk menguruskan penempatan kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja pengurusan kutipan sisa pepejal;



- vii) Supaya pertambahan kos akibat penggunaan khidmat HASB diperhalusi dan dibincangkan semula memandangkan PBT telah menanggung kos kutipan sampah sedia ada. Bagi kos kutipan sampah kebun dan operasi di kampung tradisi akan diteliti dan dimaklumkan oleh YB. Pegawai Kewangan Negeri;
- viii) Supaya pelantikan HASB sebagai kontraktor dibuat di peringkat PBT. Semua PBT diminta menghantar surat permohonan pelantikan terus HASB sebagai kontraktor kepada Y.B. Pegawai Kewangan Negeri untuk kelulusan; dan
- ix) Semua PBT diingatkan supaya mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan ke atas isu pengurusan kutipan sampah dan pembersihan awam di kawasan masing-masing bagi memastikan tiada pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sampah secara haram.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ,**

#### 7.1.2 Cadangan Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH)

Tuan Pengurus memaklumkan bahawa jajaran Lebuhraya Damansara Shah Alam (DASH) yang tidak terlibat dengan bantahan penduduk dibentangkan dalam Sesi Pendengaran Awam Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) diminta meneliti semula jajaran akhir Lebuhraya DASH yang melibatkan Mutiara Damansara dan Damansara Perdana seterusnya mengemukakan cadangan baru serta meneruskan rundingan bersama penduduk setempat.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

#### 7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHONG FOKK MENG

7.2.1 Petaling Jaya sebagai bandaraya peneraju akan terus menghadapi pelbagai cabaran dengan harapan dan permintaan penduduk yang terus meningkat. Majlis seharusnya terus melaksanakan tanggungjawab kami, memandang ke hadapan dan membawa bersama warga kerja MBPJ sebagai satu pasukan.



Ahli Majlis sememangnya yakin bahawa warga kerja MBPJ adalah tulang belakang Majlis dan segala hal ehwal dan kebaikan warga kerja haruslah menjadi keutamaan. Sehubungan dengan itu beliau ingin merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua warga kerja yang menerima Anugerah Khidmat Cemerlang baru-baru ini. Tidak lupa kepada warga kerja MBPJ yang telah bersara atau bakal bersara. Khidmat dan sumbangan mereka amat-amat dihargai.

Tidak lupa ucapan Selamat Datang dan selamat berkhidmat kepada Tuan Johary bin Anuar ke MBPJ. Ini merupakan Mesyuarat Majlis yang pertama yang dihadiri oleh Tuan Johary sebagai Timbalan Datuk Bandar di MBPJ.

#### 7.2.2 Ke arah Bandaraya Hijau, Mampan dan Lestari

Beliau mencadangkan dua (2) usul untuk dibincangkan diperingkat Jawatankuasa iaitu:-

- a) Menjadikan Sifar Penggunaan *Pakaging Stryfoam* oleh penjaja dan gerai makan di Bandaraya Petaling Jaya

Satu langkah utama menuju Bandaraya Hijau Mampan dan Lestari adalah memelihara bumi kita yang satu ini. Beliau mencadangkan agar satu kajian cara-cara untuk menggalakkan pengurangan penggunaan *pakaging styrofoam*. Mungkin insentif seperti pengurangan kos lesen pembaharuan untuk mereka yang tidak menggunakan *styrofoam* boleh dilaksanakan pada hujung tahun ini.

- b) Menuju Bandaraya Hijau, Mampan dan Lestari untuk meluaskan Hari Tanpa Beg Plastik dan daripada hanya hari sabtu kepada setiap hari di kawasan MBPJ.

Mengikut Dasar Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor, hari sabtu adalah hari tanpa beg plastik. Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan agar MBPJ menjadi peneraju "*PJ Leads Transformation and Reforms*" dengan menjadikan setiap hari adalah hari tanpa beg plastik.

Beliau yakin dasar ini akan disokong oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor dan dipanjangkan kepada PBT lain.




Selain itu, hasil pemerhatian beliau dalam pemberian `door gift` oleh MBPJ di dalam setiap program Majlis adalah menggunakan *recycle* atau *woven bag*. Penggunaan *recycle* atau *woven bag* amat menyokong program hari tanpa plastik dan dapat mengurangkan penggunaan beg plastik seterusnya mengurangkan timbunan sampah daripada plastik. Cara ini dengan sendirinya dapat menyumbang ke arah bandaraya yang lebih bersih dan hijau.

Beliau turut mengucapkan syabas di atas Inisiatif Jawatankuasa Membasmi Kemiskinan yang mengajar warga-warga khas untuk menjahit banner-banner lama yang diturunkan untuk dijadikan *recycle bag*. Program ini boleh dijadikan sumber pendapatan kepada warga-warga khas sekaligus menggalakkan pengurangan penggunaan bag plastik.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar jabatan terlibat menyediakan kertas kerja untuk dimasukkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa terlibat bagi perbincangan selanjutnya oleh Ahli Jawatankuasa Mesyuarat.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan,  
MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan,  
MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.03 tengahari. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa beliau tiada halangan sekiranya lebih seorang Ahli Majlis membuat ucapan penangguhan, walaubagaimanapun Ahli Majlis tersebut perlu mengemukakan teks ucapan kepada beliau dan salinan kepada Urusetia Mesyuarat sebelum Mesyuarat Majlis bersidang. Selain daripada itu, Ucapan Penangguhan hanya melibatkan perkara-perkara yang melibatkan polisi dan dasar-dasar Majlis. Isu-isu melibatkan aduan hendaklah disalurkan terus kepada Unit Aduan Awam untuk tindakan.

  
(JOHARY BIN ANUAR) AMS  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 3 Jun 2015



## LAMPIRAN KEHADIRAN

### HADIR:

- |  |             |
|--|-------------|
| 01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain,<br>Datuk Bandar, MBPJ.  | - Pengerusi |
| 02. Tuan Johary bin Anuar,<br>Timbalan Datuk Bandar, MBPJ. |             |
| 03. Tuan Ir. Lee Suet Sen,<br>Ahli Majlis, MBPJ.           |             |
| 04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,<br>Ahli Majlis, MBPJ. |             |
| 05. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,<br>Ahli Majlis, MBPJ.  |             |
| 06. Encik Tony Cheong Siew Thong,<br>Ahli Majlis, MBPJ.    |             |
| 07. Encik Azri bin Mohamad Arish,<br>Ahli Majlis, MBPJ.    |             |
| 08. Encik Oon Chong Ling,<br>Ahli Majlis, MBPJ.            |             |
| 09. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,<br>Ahli Majlis, MBPJ.   |             |
| 10. Encik Azizi bin Ariffin,<br>Ahli Majlis, MBPJ.         |             |
| 11. Puan Sia Siew Sin,<br>Ahli Majlis, MBPJ.               |             |
| 12. Encik Tang Fuie Koh,<br>Ahli Majlis, MBPJ.             |             |
| 13. Encik Mahharul bin Ismail,<br>Ahli Majlis, MBPJ.       |             |
| 14. Puan Cynthia Gabriel,<br>Ahli Majlis, MBPJ.            |             |



15. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Halimey bin Abu Bakar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Shatiri bin Mansor,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Chong Fook Meng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Ong Swee Long,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Wong Yuet Leng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Encik Chan Kien Fatt,  
Ahli Majlis, MBPJ.

#### **TIDAK HADIR:**

01. Encik Ang Ming Ern, (*dengan maaf*)  
Ahli Majlis, MBPJ.

#### **HADIR BERSAMA:**

01. Tuan Haji Ahmad Mohayen bin Haji Said,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.



03. Encik Zain Azly bin Abdul Rahman,  
Wakil Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Puan Hanizah binti Katab,  
Wakil Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISIM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Lanskap, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Per bersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,  
Wakil Ketua Unit (Perundangan), Unit Perundangan, MBPJ.
14. Puan Haniza binti Abdul Hamid,  
Ketua Unit (Perhubungan Awam dan Korporat),  
Unit Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ.
15. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,  
Ketua Unit (Audit Dalam), Unit Audit Dalam, MBPJ.
16. Encik Mohd Zulhairi bin Johar,  
Wakil Ketua Unit, Unit Pesuruhjaya Bangunan, MBPJ.
17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,  
Ketua Unit, Unit Pusat Setempat, MBPJ.



18. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Ketua Unit, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
19. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd. Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Ho Fook Chuan,  
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.

**URUSETIA:**

01. Puan Nor Zaimi Syafinas binti Azmi,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Setiausaha Pejabat,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

